

10 AUG 1997

Ramos-Wawancara (Bergambar)

DASAR MENGUTAMAKAN PERNIAGAAN AKAN DITERUSKAN, KATA RAMOS

Oleh: Azman Ujang

MANILA, 10 Ogos (Bernama) -- Presiden Filipina, Fidel Ramos memberi jaminan kepada pelabur-pelabur asing yang dasar-dasar mengutamakan perniagaan dan yang lain akan diteruskan walaupun selepas beliau melepaskan jawatannya dalam masa 10 bulan lagi.

Ramos yang diakui sebagai banyak bertanggungjawab untuk memulihkan ekonomi negara itu yang telah lama uzur dengan dasar-dasar ala pensyarikatan Filipina dan kepimpinan politik yang kukuh berkata, semua dasar yang dibuat semasa pentadbirannya telah dijadikan undang-undang.

"Dasar-dasar ini bukannya arahan presiden ataupun eksekutif. Jaminan yang saya boleh beri ialah semua arahan daripada presiden adalah berdasarkan kepada undang-undang," kata Ramos yang akan menamatkan penggal perkhidmatannya selama enam tahun itu.

" Mereka akan berada untuk tempoh yang lama, sehingga kongres Filipina mengubahnya. Itu satu yang boleh saya katakan," kata beliau kepada BERNAMA semasa diwawancara di Istana Malacanang.

Semasa wawancara itu, Ramos menjawab soalan-soalan yang menyentuh pelbagai subjek tetapi dua perkara yang sangat diminatinya -- hubungan "baik" beliau dengan Perdana Menteri Malaysia Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan perjanjian keamanan di Mindanao yang digariskan oleh beliau untuk menamatkan konflik bersenjata selama hampir tiga dekad di wilayah selatan negara itu yang penduduknya beragama Islam.

Beliau berkata, satu lagi jaminan yang dasar-dasar yang dibuat semasa pemerintahan beliau akan terus bertahan ialah Filipina merupakan negara yang terbuka dan demokratik dan rakyatnya tidak mahu yang lain daripada demokrasi ala Filipina.

" Seterusnya, kita seperti juga Malaysia mengikuti dasar kerjasama maksimum dengan jiran-jiran kita dan juga negara-negara lain di dunia. Ini bukan sahaja bagi pertumbuhan ekonomi tetapi juga bagi kemajuan sosial dan perpaduan," kata beliau.

Ramos diminta menjelaskan mengenai hubungan Filipina-Malaysia dan hubungan peribadi beliau dengan Dr Mahathir, memandangkan syarikat-syarikat Malaysia banyak melabur di Filipina sejak beliau menerajui negara itu sehinggakan Malaysia menjadi pelabur asing terbesar di kalangan negara-negara Asean.

Ramos dengan cepat menjawab: "Kedua-duanya sangat baik. Hubungan dua hala adalah sangat baik dan hubungan kita dalam Asean dan secara terus sangat baik".

"Secara peribadi Dr Mahathir dan saya kawan baru. Baru kerana kita tidak mempunyai hubungan seperti itu sebelum ini, iaitu semasa pemimpin sebelum saya," kata beliau.

Ditanya sama ada terdapat halangan dalam hubungan dengan Dr Mahathir, Ramos berkata: " Anda mungkin mempunyai halangan dengan mereka yang lain, tetapi bagi saya dan Dr Mahathir, saya berpendapat kami berdua lebih suka memperjuangkan kepentingan kita...iaitu meningkatkan pertumbuhan ekonomi dan kewajipan peribadi dan sosial".

Walaupun jeneral bersara empat bintang itu dipuji di negara sendiri dan di luar kerana berjaya mewujudkan kestabilan politik dan pertumbuhan ekonomi di Filipina, yang memberi kepuasan kepada beliau ialah proses keamanan di Mindanao.

Bukan seperti proses keamanan di Asia Barat yang hampir terhenti selepas pembunuhan Perdana Menteri Israel Yitzak Rabin pada 1995, Ramos

berkata perjanjian keamanan di Mindanao termaktub dalam undang-undang.

Beliau berkata, keputusannya setahun lepas untuk menjadikan pemimpin Barisan Pembebasan Moro (MNLF) Nur Misuari sebagai gabenor wilayah autonomi Mindano adalah langkah yang bijak.

Pada permulaannya langkah ini ditentang oleh pelbagai pihak tetapi pentadbiran kita berjaya mengatasi semua kesukaran dan ketegangan yang timbul akibat tindakan itu.

" Kita akan menyambut ulang tahun pertama perjanjian keamanan itu pada 2 Sept depan. Kita akan menyambutnya dengan mengadakan mesyuarat Kabinet di Jolo (ibu negara wilayah Sulu) seperti yang diminta oleh Nur Misuari.

" Kita gembira untuk menunjukkan kepada rakyat Filipina dan juga Asean serta Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) yang menyokong proses keamanan itu bahawa ia berjaya," kata Ramos yang nampak gembira.

Ramos berkata beliau juga gembira yang Mindanao dengan enam wilayah dalamnya sedang menyaksikan kemajuan dengan pelaburan termasuk dari Malaysia.

Beliau berkata, sehinggakan pelabur-pelabur dari Amerika Syarikat (AS) telah bersetuju untuk membantu dalam pembangunan ekonomi di Mindanao melalui Kawasan Pertumbuhan Asean Timur (AEGA)

-- satu lagi buah fikiran Ramos yang bertujuan meneroka sumber-sumber dan pasaran yang besar di selatan Filipina, Kalimantan di Indonesia, Sabah dan Sarawak di Malaysia dan Brunei.

" Kita akan meneruskan dengan jalan itu dan akan menjemput mereka dari Asean khasnya Malaysia yang berkedudukan baik di situ dan bahagian-bahagian lain dunia untuk membantu membangunkan Mindanao," kata Ramos.

Tetapi Ramos anak kepada bekas Setiausaha Luar Filipina Narciso Ramos yang merupakan antara mereka yang menandatangani Deklarasi Bangkok yang membawa kepada pembentukan Asean, merendah diri walaupun semua pencapaiannya itu apabila ditanya mengenai perasaan beliau menjadi presiden negaranya.

" Anda mungkin tahu yang ayah saya merupakan Setiausaha Luar Filipina dari 1965 hingga 1968 dan menandatangani Deklarasi Bangkok....saya gembira kerana adanya sumbangan keluarga saya dalam pembentukan Asean.

" Di sini saya sebagai presiden Filipina juga memainkan peranan untuk menyumbangkan kepada kemantapan dan kekukuhan Asean di masa depan," kata beliau.

-- BERNAMA

AU PR